



mySalam merupakan skim Takaful yang hanya menguntungkan rakyat dan bukannya mana-mana pihak swasta

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

mySALAM MERUPAKAN SKIM TAKAFUL YANG HANYA MENGUNTUNGKAN RAKYAT DAN BUKANNYA MANA-MANA PIHAK SWASTA

Sebuah artikel komentar yang diterbitkan oleh Sinar Harian pada 19 Ogos 2019 mempersoalkan skim *mySalam* sebagai "*Skim Cepat Kaya*".

Artikel tulisan Ab Jalil Backer yang merupakan Presiden Angkatan Karyawan Nasionalis (Akar) telah membuat pelbagai dakwaan palsu dan secara langsung menunjukkan bahawa beliau tidak tahu fakta-fakta sebenar berkaitan skim ini.

Skim perlindungan kesihatan ini merupakan satu skim takaful yang bukan bermotif keuntungan. Ianya ditawarkan oleh Kerajaan untuk kumpulan B40 yang layak, iaitu seramai 3.8 juta individu.

Kerajaan ingin sekali lagi menegaskan bahawa tiada unsur keuntungan untuk mana-mana syarikat insurans melalui skim *mySalam*. Segala baki premium yang telah dibayar kepada syarikat takaful yang tidak dituntut, dan faedah simpanan yang terkumpul, akan dibayar balik sepenuhnya kepada Tabung Amanah *mySalam*.

Dakwaan-dakwaan sinis artikel komentar yang diterbitkan oleh Sinar Harian adalah palsu sama sekali.

Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia telah menjalankan kajian dan penilaian yang menyeluruh untuk memastikan bahawa skim *mySalam* memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat.

Maklumat tentang skim ini boleh didapati dengan mudah melalui laman web Skim *mySalam* di www.mysalam.com.my (<https://www.mysalam.com.my/b40/info/>).

Artikel seperti ini yang berdasarkan fakta palsu dan tajuk yang sensasi adalah bertujuan untuk menidakkan manfaat yang dinikmati rakyat daripada skim ini. Kerajaan sentiasa prihatin akan beban kewangan rakyat terutamanya ketika kecemasan kesihatan yang tidak dijangka.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

